

sains

KERATAN AKHBAR

1 SEPTEMBER 2023

**NEW
STRAITS TIMES**

Star Kosmo!

**Utusan
MALAYSIA**

**Sinar
BERITA HARIAN**

**astro
AWANI**

NOGORI KITO

facebook

**THE EDGE
MARKETS**

Sun

**FMT
news**

**malaysiakini
terkini untuk anda**

BERNAMA

**MEDIA
RANIA**

**星洲日報
SIN CHEW DAILY**


**南洋商報
NANYANG SIANG PAU**

**中國報
CHINA PRESS**

malaymail

Kerajaan Negeri Sembilan tunggu SOP REE - Aminuddin

1 SEPTEMBER 2023
JUMAAT



Aminuddin (kanan) berkesempatan beramah mesra dengan orang ramai pada sambutan tersebut pada Khamis.

SEREMBAN - Kerajaan Negeri Sembilan menyambut baik langkah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim untuk mengeluarkan garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP) berkaitan unsur nadir bumi (REE).

SAMBUNGAN

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, Negeri Sembilan mempunyai potensi besar dalam membangunkan REE dan SOP itu nanti membolehkan hasil mineral itu di lombong dengan lebih selamat selain mengelakkan pembaziran sumber.

"Memang kerajaan negeri sedang menunggu (SOP) sebelum kita membenarkan REE di lombong di Negeri Sembilan kerana kita juga mempunyai potensi yang besar dalam bidang itu.

"Saya berharap dengan adanya SOP itu nanti, ia akan dapat di lombong dengan selamat kerana kita tidak mahu mengejar satu hasil baharu tetapi kita kehilangan banyak kelebihan pada negeri kita," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas selesai sambutan Hari Kebangsaan 2023 peringkat Negeri Sembilan di Padang Majlis Bandaraya Seremban pada Khamis.

Sebelum ini media melaporkan, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad menyatakan SOP berkaitan REE akan dikeluarkan dalam tempoh terdekat.

Beliau berkata, jawatankuasa berkaitan mineral yang dipengerusikannya di bawah Majlis Mineral Negara akan dipanggil untuk berbincang mengenai perkara itu dan jawatankuasa itu turut dianggotai oleh Exco negeri yang bertanggungjawab berkaitan mineral dan galian.

Dalam pada itu, Aminuddin berkata, kerajaan negeri juga tidak menolak untuk menjadikan sumber mineral itu sebagai salah satu punca ekonomi negeri.

"Kita sudah kenal pasti (punca ekonomi) sebenarnya sejak tiga tahun yang lepas cuma apabila prosedur itu tidak ada,kita tidak mengumumkan kerana khuatir ada pihak- pihak yang mengambil kesempatan dalam perkara ini.

"SOP ini juga diharap dapat mengatasi masalah kecurian dan mereka yang mempunyai kawasan untuk perlombongan REE boleh mendapat manfaat," katanya.

20,000 hadir sambutan Hari Kebangsaan Ke-66 peringkat Negeri Sembilan

1 SEPTEMBER 2023
JUMAAT



TUANKU Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir berkenan memeriksa kawalan kehormatan pada Sambutan Hari Kebangsaan Ke-66 Peringkat Negeri Sembilan di Padang Majlis Bandaraya Seremban, Negeri Sembilan, hari ini. -
UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

SEREMBAN: Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir berkenan mencemar duli ke majlis Sambutan Hari Kebangsaan 2023 Peringkat Negeri Sembilan di Padang Majlis Bandaraya Seremban (MBS) di sini, hari ini.

SAMBUNGAN

Baginda yang diiringi Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tengku Besar Mahmud disambut oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Mohd. Zafir Ibrahim.

Keberangkatan tiba baginda kira-kira pukul 8.15 pagi itu disusuli dengan lintas hormat helikopter jenis Agusta A109 LOH Pasukan Udara Tentera Darat dengan membawa Jalur Gemilang dan bendera Negeri Sembilan.

Sebanyak 84 kontinjen merangkumi 5,000 peserta menyertai perbarisan sambutan Hari Kebangsaan Ke-66 peringkat negeri hari ini. Perbarisan terdiri daripada pelbagai jabatan dan agensi kerajaan, badan berkanun, pentadbiran daerah, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sekolah dan institut pengajian tinggi serta syarikat swasta.

Istiadat Kawalan Kehormatan Utama (KKU) terdiri daripada tiga pegawai dan 103 anggota lain-lain pangkat dari Batalion Ke-24 Rejimen Askar Melayu Diraja yang diketuai oleh Mejai Noor Azlan Husin; Pegawai Panji-panji Batalion Ke-15 Rejimen Askar Melayu Diraja, Leftenan Muhamad Khaliq Nasrudin dan Sarjan Mejai Rejimen, Pegawai Waran 1 Ahmad Abu Bakar.

KKU turut diiringi Pancaragam Gabungan Batalion Ke-14 Rejimen Askar Melayu Diraja (MEKENIZA) dan Batalion Ke-24 Rejimen Askar Melayu Diraja yang dipimpin oleh Drum Major Sarjan Mohd. Saiful Mohd. Haniff. Turut diadakan kemudiannya bacaan ikrar Rukun Negara yang diketuai Menteri Besar manakala doa dibacakan oleh Timbalan Mufti Negeri Sembilan, Amran Awaludin.

SAMBUNGAN



ORANG ramai hadir memeriahkan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-66 Peringkat Negeri Sembilan yang diadakan di Padang MBS, Seremban hari ini.-UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN.

Dalam pada itu, Aminuddin berkata, kehadiran bagi sambutan tahun ini adalah di luar jangkaan dengan orang ramai mula memenuhi kawasan acara seawal pukul 6 pagi.

"Alhamdulillah kehadiran luar jangka. Tahun ini, lebih 20,000 kehadiran rakyat di negeri ini bagi memeriahkan perarakan sempena hari kemerdekaan. Inilah semangat yang ada daripada anak-anak agar semangat patriotik dapat disuburkan sejak kecil," katanya.

Selain itu, sambutan diserikan dengan irungan muzik dengan lagu seperti *Pahlawanku*, *Perajurit Tanah Air*, *Gagah Setia*, *Darah Satria*, *Prebet Lapok*, *Teluk Bayu*, *Taat Setia* dan lagu-lagu patriotik lain.

SAMBUNGAN



ANGGOTA tentera daripada Kem 1 Briged mengadakan persembahan sebagai simbolik penutup persembahan pada Sambutan Hari Kebangsaan Ke-66 Peringkat Negeri Sembilan yang diadakan di Padang MBS, Seremban hari ini. –UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN.

Turut dipertonton adalah aset artileri Angkatan Tentera Malaysia, aset Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia. Juga diadakan persembahan khas bertajuk *Semesra Aur Dengan Tebing* menggabungkan persembahan tarian, bacaan puisi yang melibatkan pelakon, Vanida Imran dan pesilat negara, Mohd Al-Jufferi Jamari dan beberapa artis lain yang diselaraskan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Sembilan (JKKNNS).

Sambutan turut diserikan dengan tarian kebudayaan daripada Soka Gakkai, Unique Art, Kumpulan Kebudayaan Sewang Lanok Kampung Parit Gong (Jelebu) dan Persatuan Seni Silat Tanah Baru Chemandee. – **UTUSAN**